



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## UNIVERSITI SEBAGAI MEDAN PEMBENTUKAN KECEMERLANGAN AKHLAK MAHASISWA

*UNIVERSITY AS CENTRE OF GRADUATES' AKHLAK EXCELLENCE*

Mazdi Marzuki<sup>1\*</sup>, Muhammad Hasbi Abd Rahman<sup>2\*</sup>, Khairul Gufran Kaspin<sup>3\*</sup>, Mohamad Basri Jamal<sup>4</sup>, Norshahrul Marzuki Mohd Nor<sup>5</sup>, Irma Wani Othman<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

<sup>6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

#### To cite this document:

Marzuki, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Mohd Nor, N. M., & Othman, I. W. (2021). Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak

### Abstrak:

Universiti merupakan institusi pendidikan yang terakhir kepada seseorang mahasiswa sebelum mereka melangkah keluar untuk memasuki dunia pekerjaan. Namun begitu, sejak dasawarsa ini statistik menunjukkan bahawa berlaku pertambahan ketirisan budaya di mana berlaku kerendahan akhlak kepada pekerja terutamanya melibatkan jenayah kolar putih. Isu kerendahan akhlak ini juga telah berlaku di universiti juga semasa mahasiswa masih lagi belajar di universiti. Situasi ini dianggap sebagai ketirisan budaya. Impaknya daripada ketirisan budaya ini memberi kesan besar kepada mahasiswa. Sehubungan itu, universiti sebagai "tempat keramat" dalam menuntut ilmu perlu memikul tanggungjawab besar bagi melahirkan mahasiswa yang cemerlang akademik dan juga cemerlang akhlak. Kecemerlangan akhlak mempunyai kepentingan yang tersendiri untuk diri, negara dan agama. Pelbagai kaedah boleh diimplementasikan di universiti bagi menjadi

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

Mahasiswa. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (39), 90-100.

mahasiswa yang memiliki akademik dan akhlak yang seimbang bagi kepentingan kepada pembangunan negara.

**Kata Kunci:**

Universiti, Kecemerlangan, Akhlak, Mahasiswa

**Abstract:**

University is a final education place or destination for students before they walk into a real-world of jobs. However, recent statistics show unpleasant rising cases of white-collar criminals involving professionals and educated people including university graduates proven behavioural and moral crises among our community. This moral crisis also happened in university while students still studying. This can be regarded as moral corruption or leakage among graduates and this issue highly influences their lives. Therefore, the University as a center of excellence and a so-called “sacred place” in knowledge plays a very big role to produce smart graduates academically and morally sound. These smart graduates hence become the best human capital for themselves, the nation, and religions. There are multiple methods that can be implemented to produce a balance smart academic and moral student in university for the betterment of the country’s development in the future.

**Keywords:**

University, Excellence, *Akhvak*, Graduates



**DOI:** 10.35631/IJEPC.639005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

## Pengenalan

Pendidikan merupakan komponen asas kepada pembentukan individu yang sempurna. Melalui pendidikan proses pertambahan ilmu, pembinaan rohani dan pembentukan akhlak boleh dilakukan kepada seseorang individu. Seseorang individu di Malaysia mendapatkan pendidikan secara formal bermula daripada peringkat pra sekolah sehingga ke institut pengajian tinggi atau dikenali juga sebagai universiti. Universiti merupakan sebuah institusi atau pusat pendidikan tinggi yang memberi ilmu dalam pelbagai bidang, menjalankan penyelidikan ilmiah dan menganugerahkan pelbagai peringkat ijazah. Universiti merupakan institusi pendidikan terakhir sebelum mahasiswa itu memasuki alam kerjaya yang mencabar. Setelah bertungkus lumus selama lebih kurang tiga atau empat tahun mahasiswa akan menamatkan pengajian dan mendapat segulung ijazah dan seterusnya memasuki alam pekerjaan. Oleh itu bagi menjadikan mahasiswa seorang pekerja yang baik dan cemerlang maka pelajar perlu dibudayakan dengan akhlak yang mulia sepanjang mereka menuntut ilmu di universiti.

Namun begitu pada masa kini di dada media massa menunjukkan alam pekerjaan memaparkan beberapa kes akhlak pekerja yang semakin rendah dalam pendidikan jati diri masyarakat. Sifat jujur dan amanah semakin dikesampingkan sehingga mengakibatkan unsur penipuan, rasuah dan salah guna kuasa berlaku. Malahan dikatakan kes rasuah skala besar meningkat ketika pandemik Covid-19 yang membabitkan sindiket jenayah dan kartel serta penjawat awam (Ahmad Suhael & Irwan Sharizan 2021). Keadaan ini berlaku disebabkan kesan kegawatan ekonomi pada masa kini. Sistem nilai dalam kalangan pegawai kerajaan dilihat semakin longgar apabila lebih mengutamakan kebendaan berbanding kerohanian. Pada masa dahulu khususnya sebelum abad ke 12 Masihi, kebanyakan manusia melihat dunia sebagai tempat kehidupan sementara, tempat perhentian bagi suatu pengembawaan yang

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** panjang, sebelum akhirnya dikembalikan ke suatu tempat dalam kehidupan yang abadi. Ini adalah kepercayaan kebanyakan pengikut agama yang berdasarkan wahyu khususnya agama Islam, Yahudi dan Kristian mahupun kepercayaan agama yang lain seperti Hindu dan Buddha (Katiman, 2013). Katiman (2013) memberi istilah kepada masalah ini sebagai ketirisan budaya. Ketirisan budaya berlaku disebabkan lunturnya adab kesopanan dan tatasusila apabila jiwa mahasiswa tidak disuntik dengan pendidikan akhlak walaupun sudah mendapat pendidikan ke tahap yang paling tinggi di universiti.

Katiman (2013) menjelaskan sejak beberapa dekad kebelakangan ini terdapat tanda yang cukup jelas yang menunjukkan bahawa budaya manusia sudah mulai tiris, kritikal, melebihi batas dan setengahnya melampau. Beliau menjelaskan keadaan ini sebagai ketirisan budaya. Ketirisan budaya ini tidak pernah berlaku sebelumnya namun semakin bertambah pada masa kini. Fenomena kelunturan nilai, akhlak dan moral semakin dirasai apabila melibatkan golongan berpendidikan tinggi atau mahasiswa. Hal ini berdasarkan pelbagai kes yang dilaporkan oleh akhbar yang melibatkan pelajar di institusi pendidikan tinggi. Antaranya ialah penglibatan pelajar dalam gejala penagihan dadah, menyembunyikan kelahiran dan pembuangan bayi, kes buli, jenayah bunuh dan sebagainya (Faridah, Khairul Hamimah, Zawiah & Fakhrul Adabi 2018). Zamri (2020) menjelaskan kes seks bebas, najis dadah dan jenayah kolar putih adalah wabak yang semakin membimbangkan. Begitu juga gelaran ‘mahasiswa lesu’. Keadaan ini adalah manifestasi kepada kegagalan mahasiswa untuk membentuk nilai keperibadian tinggi. Krisis moral dan ketandusan idea adalah musuh utama mahasiswa masa kini berbanding mahasiswa dahulu yang dikatakan lebih menggugat. Salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa di peringkat pengajian tinggi telah banyak dilaporkan dalam media massa terutama media cetak. Kesalahan khalwat, bersekedudukan, dan menjual maruah adalah sebahagian daripada salah laku yang pernah dilaporkan oleh pelajar IPT (Melati & Zaharah 2006).

Mauduk-mauduk yang hangat diperkatakan dalam kalangan masyarakat tentang keperluan untuk membentuk mahasiswa yang mempunyai kecemerlangan bukan sahaja daripada aspek akademik tetapi juga akhlak. Sehubungan itu universiti berperanan sangat penting dalam menghasilkan komuniti berpendidikan tinggi yang sangat diperlukan dalam pembangunan ekonomi yang berteraskan pengetahuan di samping beriringan dengan pengetahuan akhlak. Pertambahan universiti berbanding awal kemerdekaan dahulu memberi gambaran universiti amat penting kepada masyarakat (Norain & Nooriah 2012). Pada masa kini semua negeri di Malaysia memiliki sekurang-kurang sebuah universiti. Bilangan penduduk yang memiliki pendidikan tertiar semakin meningkat. Ini berikutan dasar kerajaan yang menggalakkan pendidikan peringkat tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi dalam usaha untuk mentransformasikan ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi. Kadar penduduk bekerja yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar juga turut dipengaruhi oleh tahap kemajuan sesebuah kawasan. Negeri yang lebih maju seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur didapati mempunyai kadar penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar yang lebih tinggi berbanding negeri yang kurang maju (Norain & Nooriah 2012).

Masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada mahasiswa. Daripada perspektif masyarakat, kewujudan universiti dan tuntutan kesarjanaan adalah garis prinsip yang tidak akan berubah. Universiti ialah tempat melahirkan insan yang berilmu dan beradab. Mengapa universiti dianggap sebagai pusat kecemerlangan akademik dan akhlak sedangkan banyak

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
lagi tempat yang boleh dianggap sebagai pusat kecemerlangan akademik dan akhlak. Universiti dianggap pusat kecemerlangan akademik dan akhlak kerana idealisme institusi universiti sebagai komuniti para sarjana untuk memusatkan kekeramatan ilmu pengetahuan bagi meningkatkan peradaban manusia. Malahan aspirasi pendidikan negara meletakkan pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa sebagai agenda utama (Faridah, Khairul Hamimah, Zawiah & Fakhrul Adabi 2018). Peradaban manusia yang bagaimana yang diimpikan kepada mahasiswa ialah mahasiswa yang cemerlang akademik dan akhlak. Dalam zaman millennium yang serba moden dan berasaskan teknologi, peranan mahasiswa lebih komprehensif. Mahasiswa sering dijadikan ‘bayangan atau imej’ untuk melihat pemimpin masa hadapan di sesebuah negara. Baik akhlak mahasiswa maka akan baiklah pemimpin negara pada masa hadapan jika sebaliknya maka hancurlah sebuah negara.

Nilai akhlak yang tinggi dan baik dilahirkan melalui pembelajaran. Pembelajaran yang sempurna akan melahirkan manusia yang mempunyai nilai akhlak yang tinggi dan budi pekerti yang sempurna. Pembentukan akhlak dan sahsiah banyak diperoleh daripada pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal. Mahasiswa yang berilmu perlu mempamerkan adab. Adab adalah tonggak atau indikator mahasiswa yang cemerlang. Proses membentuk mahasiswa yang cemerlang budi pekerti tidak mampu dijelmakan dalam sekilip mata, prosesnya harus digilap dan dibentuk dari awal mahasiswa menjek kaki ke menara gading sehingga mereka melangkah keluar dari “pintu pagar” universiti. Universiti adalah tempat yang sesuai untuk proses pembentukan jati diri unggul mahasiswa. Pemerksaan jati diri pelajar tidak signifikan jika wujudnya kelakuan pelajar yang biadab, sompong, jelek dan tidak mempunyai harga diri. Bagaimana seseorang mahasiswa itu dianggap cemerlang sebaliknya sompong dengan orang lain terutamanya pensyarah atau guru dan pihak yang telah mengilap bakatnya dan keupayaannya. Oleh itu, akhlak yang sempurna merupakan aset yang sangat penting dalam kehidupan seorang mahasiswa. Akhlak menentukan kemuliaan seorang manusia. Manusia boleh menjadi lebih mulia atau sebaliknya dan boleh menjadi lebih hina daripada insan lain disebabkan oleh akhlak (Al-Ghazali, 2010). Begitu juga dengan mahasiswa yang mempunyai keperluan yang besar untuk menjadi insan yang berakhlak. Insan yang berakhlak pada realiti telah dirangkumkan dalam falsafah pendidikan di Malaysia iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

### **Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak**

Pendidikan di Malaysia dilandaskan kepada satu falsafah iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pada masa dahulu falsafah ini dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal pada tahun 1988 oleh pakar-pakar pendidikan. Namun begitu pada tahun 1996, FPN telah disemak semula dan berlaku beberapa pernyataan yang diubah. Nama falsafah juga telah bertukar daripada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK dijadikan panduan atau arah tuju untuk menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan. Dasar Pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia ini mempunyai inti pati yang jelas iaitu bagi melahirkan insan yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tersebut seperti yang dijelaskan berikut:

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

Dalam falsafah ini terangkum bahawa individu yang ingin dilahirkan bukan sahaja individu yang cemerlang intelek tetapi perlu menyeluruh dan bersepadu termasuklah aspek rohani. Elemen yang penting berkaitan kecemerlangan akhlak juga dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ini ialah individu yang percaya kepada Maha Pencipta yang merangkumi elemen kehidupan kini dan mahasiswa juga harus memahami yang mereka juga akan ditanya di akhirat nanti serta kepatuhan kepada Tuhan. Malahan jelas Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia bagi kebaikan keluarga, masyarakat dan negara. Menurut Saharia (2015) pula, pendidikan yang hendak dihasilkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ialah satu golongan manusia sahaja iaitu manusia yang bergelar insan terangkum padanya nilai-nilai murni sama ada aspek rohani, emosi, jasmani dan pemikirannya. Kesemua elemen inilah yang menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian (*ahsanu al- taqwim*) seperti yang digambarkan dalam surah al Tin seterusnya membentuk kecemerlangan akhlak.

### **Kecemerlangan Akhlak**

Apakah itu akhlak? Akhlak ialah budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat. Iman al Ghazali dalam kitab yang tersohor beliau iaitu kitab *Ihya Ulumuddin* menjelaskan akhlak adalah sifat yang tertanam dalam diri, yang mana daripada sifat itu munculnya perbuatan-perbuatan yang berlaku dengan mudah tanpa memerlukan kepada proses akal ataupun pertimbangan. Hasrizal (2021) menjelaskan akhlak bukan seperti lalang yang tidak perlu ditanam, biarkan saja tanah kosong, lalu selepas sebulan suburlah lalang tanpa perlu dibaja. Akhlak ibarat buah yang dipetik daripada pohon yang ditanam. Kita perlu mendidik dan berusaha supaya akhlak itu terbentuk. Melakukan pembentukan akhlak memerlukan proses yang tertentu dan memakan masa supaya dapat dibentuk dan dihayati oleh mahasiswa.

Islam ialah acuan akhlak dan proses ibadah dalam Islam berfungsi untuk menghasilkan akhlak. Akhlak merupakan salah satu daripada tiga indicator asas dalam ajaran Islam di samping Aqidah dan Syariah. Menurut Marzuki (2010), akhlak (baca: akhlak mulia) merupakan buah yang dihasilkan dari proses penerapan aqidah dan syariah. Ibarat bangunan, akhlak merupakan kesempurnaan dari bangunan tersebut setelah bangunan itu selesai dibentuk dan bangunannya sudah kukuh. Jadi, tidak mungkin akhlak ini akan terwujud pada diri seseorang jika tidak memiliki aqidah dan syariah yang memadai sahaja. Sehubungan itu, akhlak amat penting dalam kehidupan mahasiswa.

Menurut Al-Ghazali (2010), antara ciri-ciri manusia yang berakhhlak mulia seperti malu, tidak menyakiti orang, banyak membuat kebaikan, menjaga lidah, benar, menyambung silaturahim, bersopan-santun, sabar, syukur, reda, mengawal marah, dermawan dan pemurah kepada fakir, tidak mengumpat, tidak memaki orang, mengutuk, pengadu-domba, tidak tergesa-gesa dalam

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
pekerjaan, senyum, cinta pada jalan Allah dan benci pada perkara yang dibenci Allah. Dalam aspek ini akhlak amat penting kepada mahasiswa iaitu golongan yang akan memimpin negara pada masa hadapan.

### **Kepentingan Akhlak kepada Mahasiswa**

Pada umumnya terdapat pelbagai kepentingan akhlak kepada mahasiswa yang boleh dijadikan panduan dalam melakukan perubahan kepada mahasiswa. Dalam mencapai matlamat pendidikan iaitu melahirkan pelajar sedar kendiri, antara aspek penting yang diberi penekanan ialah potensi rohani pelajar yang merangkumi menyedari dan menginsafi adanya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin kendiri membentuk akhlak mulia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Antara kepentingan akhlak kepada mahasiswa ialah untuk diri sendiri, masyarakat dan akhirat:

#### ***Melahirkan Mahasiswa yang Bertamadun dan Dihormati***

Akhhlak yang terdapat dalam diri seseorang mahasiswa akan mewujudkan sebuah tamadun yang bertahan lama. Masyarakat yang bertamadun ialah masyarakat yang berpaksikan akidah yang mantap, bertunjangkan keluhuran undang-undang dan kemakmuran yang direndai oleh Allah dan akhlak individu yang tinggi. Tamadun di sini dikaitkan dengan orang yang beradab. Orang beradab dikatakan orang yang bertamadun kerana mereka mempunyai bentuk agama yang tinggi, berbudaya tinggi, hidup masyarakat yang bertambah maju dari aspek lahiriah dan rohaniah. Dalam Islam menjelaskan bahawa orang yang sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlaknya. Akhlak yang baik berupaya mengelakkan perkara maksiat dan melalui akhlak akan membentuk mahasiswa melakukan perkara yang baik. Orang yang berakhhlak baik akan mendapat rahmat Allah dan menjadi sejahtera di dunia dan akhirat. Impaknya daripada akhlak yang baik akan menjadi mahasiswa sebagai individu yang dihormati daripada perspektif masyarakat. Sehubungan itu, untuk membentuk masyarakat yang bertamadun yang disegani maka kualiti generasi muda iaitu mahasiswa perlu dipertingkatkan kerana mereka adalah golongan muda yang mempunyai idealisme. Melalui idealisme yang jitu dan jelas maka proses ini boleh dipercepatkan.

#### ***Melahirkan Masyarakat yang Produktiviti dan Profesional***

Kepentingan akhlak kepada mahasiswa ialah berupaya melahirkan masyarakat yang produktiviti dan profesional. Profesional ialah sifat yang didukung oleh tingkah laku, kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu, wujudnya sifat kejujuran, bertanggungjawab dan saling menghormati. Masyarakat dan pemimpin yang berintegriti mantap dan nilai profesional yang tinggi menaikkan martabat mahasiswa di mata masyarakat. Menurut Mohd Janib (2001) etika profesional terbahagi kepada tiga perkara iaitu i) menjaga individu, masyarakat dan alam sekitar secara berterusan atau mapan ii) mengelakkan daripada berlakunya konflik atau kepentingan diri dengan masyarakat dan iii) mengelak penyalahgunaan kuasa akibat kegilaan terhadap pangkat, kedudukan dan maklumat tertentu untuk kepentingan diri sendiri. Melalui sifat profesional ini akan melahirkan masyarakat yang produktiviti kepada agensi yang mereka yang bekerja.

#### ***Menjamin Keselamatan Daripada Seksyen Api Neraka***

Mereka yang mempunyai akhlak yang mulia adalah mereka yang berpegang kepada ajaran agama. Dalam ajaran Islam menganggap mereka yang tidak berakhhlak tempat di neraka

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
manakala yang berakhhlak ke syurga. Apabila seseorang mahasiswa melakukan maksiat, derhaka kepada ibu bapa, melakukan kezaliman dan sebagainya pasti mereka akan tertolak dari menjadi ahli syurga. Manakala mereka yang berakhhlak mulia merupakan cara ke syurga yang diimpikan oleh semua individu.

*Burung merpati burung dara  
Kandangnya selalu dijaga  
Akhlak mulia merupakan cara  
Agar mudah masuk ke syurga*

Sehubungan itu bagi menjamin keselamatan daripada seksaan api neraka setiap mahasiswa khususnya mahasiswa yang beragama Islam perlu berakhhlak mulia. Nilai dalam Islam berlandaskan wahyu dan kehendak Allah Taala. Mahasiswa perlu berpandukan kepada dua perkara iaitu pertama melakukan perkara yang wajib adalah disuruh dan disukai oleh agama serta akan mendapat pahala di atas kebaikan yang dilakukan. Kedua, perbuatan yang haram yang dibenci oleh agama yang akan mendapat balasan yang buruk. Mahasiswa hendaklah sentiasa mengawal diri supaya tidak melakukan perkara yang tidak disukai. Bagi mahasiswa Islam contoh teladan yang paling baik dari aspek akhlak ialah Rasulullah SAW. Hadis daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak (HR Al-Baihaqi). Malahan dalam Islam terdapat lima kategori nilai bagi mengawal pergerakan dan tingkah laku manusia iaitu fardu atau wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Bagi merealisasikan kepentingan tersebut kepada mahasiswa maka perlu program-program bagi meningkatkan akhlak mahasiswa.

### **Kaedah Dalam Membentuk Akhlak Mahasiswa**

Untuk membentuk mahasiswa yang berakhhlak yang mulia, pendidikan akhlak yang berterusan perlu diberikan kepada setiap mahasiswa. Terdapat beberapa kaedah yang boleh diimplementasikan dalam membentuk akhlak dan siasah mahasiswa di universiti sama ada oleh pihak universiti, fakulti, pensyarah dan mahasiswa. Kaedah ini digembleng secara bersama mampu memberi impak yang signifikan kepada pembentukan akhlak dan siasah mahasiswa.

### **Peranan Universiti**

Universiti perlu memainkan peranan yang penting dalam menonjolkan akhlak yang mulia dengan mewujudkan suasana yang memberangsang dan budaya yang positif. Peluang dan ruang pembelajaran yang signifikan membolehkan proses menggilap akhlak pelajar dilakukan oleh universiti. Pelajar didedahkan dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir, keyakinan kendiri bagi membentuk akhlak kepada mahasiswa. Mahasiswa digalakkan bersifat terbuka dan bukan mahasiswa yang taasub kepada sesuatu perkara. Kurikulum juga perlu disusun selari dengan revolusi 4.0 dan mempunyai pendekatan yang pelbagai seperti pendekatan andragogi, pembelajaran eksperimen, *problem-based learning* (PBL) dan mempunyai perkaitan dengan masyarakat. Universiti perlu merancang penggubalan kurikulum dengan meletakkan persoalan penerapan nilai akhlak sebagai mauduk utama bagi menjamin peribadi dan sahsiah yang baik kepada mahasiswa.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Pihak universiti juga perlu menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti persatuan, kelab dan ko kurikulum. Pelbagai persatuan yang boleh diikuti oleh pelajar di universiti yang terdiri daripada persatuan akademik fakulti seperti Persatuan Geografi, Persatuan Moral, Persatuan Sejarah dan sebagainya, persatuan anak negeri misalnya Persatuan Anak Negeri Terengganu, Persatuan Anak Negeri Kelantan dan lain-lain serta persatuan urus setia seperti Persatuan Kerjaya seta pertubuhan tertentu. Penglibatan pelajar dalam persatuan dan ko kurikulum mendedahkan pelajar pengalaman yang ilmu yang tidak diperoleh di dalam bilik kuliah. Melalui aktiviti persatuan membolehkan mahasiswa mempunyai masa kepada perkara yang berguna serta mengelakkan diri mahasiswa kepada perbuatan yang tidak berfaedah. Melalui kegiatan dalam persatuan dan ko-kurikulum secara tidak langsung mampu membentuk watak dan peribadi seseorang mahasiswa. Melalui ko-kurikulum dan persatuan memupuk budaya kepimpinan, membina dan membentuk akhlak yang baik serta mahasiswa yang berdisiplin.

### **Peranan Pensyarah**

Dalam menjayakan aspek penerapan akhlak yang baik kepada mahasiswa, pensyarah merupakan orang penting dalam melaksanakan strategi ini. Pensyarah hendaklah terlebih dahulu mengamalkan dan menghayati akhlak. Tanggungjawab pensyarah sebagai model penerapan akhlak atau *role model* agar membolehkan dirinya menjadi ikutan kepada mahasiswa dalam usaha pembinaan akhlak mahasiswanya. Hal ini kerana melalui personaliti unggul terletak keupayaan, kehebatan dan kemampuan mereka dalam menjana keunggulan akhlak mahasiswa. Justeru itu peranan dan tanggungjawab pensyarah terhadap keperluan masyarakat ialah mendidik mahasiswa supaya menjadi generasi yang seimbang iaitu cemerlang dari ilmu pengetahuan, berakhlak, mempunyai personaliti, mulia dan bertanggungjawab kepada masyarakat, agama dan negara.

Pensyarah boleh menjalankan sesi untuk penerapan akhlak melalui sistem penasihat akademik. Sistem penasihat akademik yang sistematik berupaya mengawal atau memantau akhlak mahasiswa. Sistem ini dipercayai dapat menghasilkan matlamat yang dihasratkan oleh universiti iaitu menasihati hal-hal akademik dan siasah pelajar. Terdapat universiti menetapkan pelajar perlu berjumpa dengan penasihat akademik seperti yang terangkum dalam kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Universiti Pendidikan Sultan Idris 2020). Setiap semester, mahasiswa dan pensyarah diperlukan untuk mengadakan sesi penasihat akademik sekurang-kurang tiga kali iaitu di awal, pertengahan dan akhir semester. Melalui sesi penasihat akademik ini pensyarah diminta untuk menasihati mahasiswa supaya menguruskan akademik dengan baik supaya terus kekal cemerlang dan memperkenan akhlak yang baik, tidak terjerumus kepada perkara yang tidak bermoral serta meningkatkan kemahiran insaniah atau *soft skill* dengan menyertai persatuan di universiti atau kolej. Sesi ini wajib dipantau oleh pihak pengurusan fakulti supaya pelajar dapat mendekatkan diri dengan penasihat akademik atau mentor yang dilantik. Sebarang maklumat tentang akhlak pelajar boleh disampaikan oleh pensyarah semasa sesi ini berlaku.

### **Peranan Bersama Universiti-Fakulti-Pensyarah**

Dalam membentuk akhlak pelajar yang baik antara kaedah yang boleh diaplikasikan ialah mengadakan dan meningkatkan ceramah kerohanian. Pembentukan akhlak masyarakat khususnya mahasiswa berasaskan ajaran agama akan menjamin kualiti manusia yang beretika dan berakhlak tinggi. Pembentukan akhlak amat penting kerana ia mempunyai kaitan rapat

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions** dengan iman (Siti Norlina, Mohd Nasir & Mohd Dani 2004). Setiap agama boleh memberi ceramah kerohanian kepada penganut agama masing-masing. Pihak universiti, fakulti dan pensyarah boleh bergandingan untuk mengadakan program bercorak kerohanian. Melalui program ini akan mewujudkan jati diri kepada mahasiswa. Pusat Islam umpamanya mengadakan program kerohanian yang sesuai dengan mahasiswa yang beragama Islam. Ajaran Islam menjelaskan kehidupan beragama yang dikaitkan dengan amalan kerohanian mampu pengaruh yang bererti kepada pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia khususnya mahasiswa (Md Noor 2012). Nilai akhlak yang harus dipunyai oleh seorang mahasiswa khususnya mahasiswa Islam dengan menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai sumber rujukan utama mereka. Malahan menurut Ibnu Miskawayh matlamat utama setiap agama adalah untuk melahirkan akhlak mulia. Ini tidak akan terhasil melainkan apabila setiap individu percaya bahawa agama adalah sesuatu yang perlu untuk jiwa (Siti Norlina, Mohd Nasir & Mohd Dani 2004).

### **Peranan Mahasiswa**

Selain daripada peranan diri dalam membentuk akhlak yang mulia, pengaruh rakan juga mempunyai tahap signifikan yang kuat dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Ini kerana sifat manusia itu sentiasa mencari dan meniru sikap dari seseorang yang lain. Sehubungan itu pengaruh rakan sebaya sama ada sifat baik atau buruk akan mempengaruhi mahasiswa. Apabila mereka bergaul dengan orang yang baik dalam tempoh masa tertentu secara tidak langsung dia juga akan memperoleh sesuatu kebaikan. Pengaruh rakan sebaya amat penting dalam mempengaruhi perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial (Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah 2012). Mahasiswa yang bersosialisasi dengan rakan sebaya yang bersopan santun secara tidak disedari akan menyerap nilai-nilai murni yang positif daripada mereka. Dalam sebuah hadith yang sahih menuntut seseorang berdamping dengan orang yang soleh supaya mereka terkesan kepada diri mereka juga seperti yang dijelaskan:

*“Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi. Adapun, penjual minyak wangi akan memberi kamu (minyak wangi tersebut), atau kamu membeli daripadanya, atau kamu mendapat bau yang harum daripadanya. Sedangkan tukang besi pula, akan membakar bajumu dan juga kamu mendapatkan bau yang busuk.” [Sahih al-Bukhari (2101) dan Sahih Muslim (2628)]*

### **Kesimpulan**

Benarkah universiti telah berjaya membentuk kecemerlangan akhlak kepada mahasiswa. Persoalan besar ini boleh ditanya oleh setiap mahasiswa selepas segulung ijazah telah berada dalam genggaman tangan mahasiswa. Jika mahasiswa yang dilahirkan hanya hebat dalam dunia akademik, memperoleh nilai gred yang tinggi dan menggenggam segulung ijazah tetapi mempunyai akhlak yang buruk maka keadaan ini masih belum berjaya melahirkan mahasiswa yang holistik. Walaupun kerangka Pendidikan Malaysia telah dirangka dengan cantik dengan wujudnya kerangka atau konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang lengkap bagi membangunkan manusia. Malahan kaedah-kaedah yang telah dirangka di peringkat universiti, fakulti dan pensyarah bertujuan untuk meningkatkan akhlak mahasiswa.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Mahasiswa merupakan duta kecil kepada universiti di dunia luar. Mereka membawa nama universiti itu sendiri sebagai tempat mereka mendapatkan ilmu. Sehubungan itu mahasiswa yang membawa akhlak yang baik seumpamanya membawa nama baik universiti mereka juga. Masyarakat melihat mahasiswa sebagai orang yang berilmu. Sehubungan itu nilai mahasiswa harus selari dengan akhlak yang menggambarkan ketinggian ilmunya. Mahasiswa harus bijak mengimbangi antara tuntutan dunia dengan tuntutan akhirat, kehendak kerohanian dengan kehendak kebendaan, keinginan individu dengan keinginan awam supaya mahasiswa dapat menjadi profesional yang dapat membezakan antara kepentingan individu dengan kepentingan umum. Sehubungan itu, pemantapan akhlak yang sempurna berupaya melahirkan mahasiswa yang mampu memberi kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat dan seterusnya menjadi indicator kepada kelangsungan perkembangan sesebuah tamadun terutama dalam negara yang mempunyai pelbagai etnik. Daripada ilmu maka wujudlah hubungan korelasi yang signifikan dengan perangai atau adab seseorang seperti yang diungkap oleh pantun berikut:

*Ramailah orang membawa labu,  
Labu perisa digulai lemak,  
Pandai orang kerana berilmu,  
Ilmu ada perangai pun bijak.*

## Bibliografi

- Ahmad Suhael Adnan & Irwan Sharizan Ismail. (2021). Kes Rasuah Skala Besar Meningkat Ketika Pandemik-SPRM. Berita Harian April 2021.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. (2001). *Al Sahih*. Beirut: Dar Taw al Najah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2010). *Ihya Ulumuddin*. Cetakan ke 11. Terjemahan. Jakarta: Pena Pundi Asmara.
- Faridah Che Husain, Khairul Hamimah Mohd Jodi, Zawiah Hj. Mat, Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus TITAS di Universiti Malaya. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*.
- Hasrizal Abdul Jamil. (2021). *Erti Beragama yang Hilang*. Iman Publication: Kuala Lumpur.
- Katiman Rostam. (2012). Ketirisan Budaya: Dampak Terhadap Alam Sekitar dan Manusia. *Geografi*. Vol 1, No 1.
- Marzuki. (2010). Pembentukan Kultur Akhlak Mulia di Kalangan Mahasiswa UNY Melalui Pembelajaran PAI. *Cakrawala Pendidikan*, Februari 2010, Th. XXIX, No. 1
- Melati Sumari & Zaharah Hussin. (2006). Cabaran IPT dalam Menangani Salah Laku dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa: Tinjauan dan Cadangan. NASDEC 2006 Conference.
- Mohd Janib Johari. (2001). *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit UTM.
- Md Noor Saper. (2012). Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs' dan Kesannya Ke Atas Religiositi dan Resiliensi Remaja. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Muslim bin al-Hajjaj al Naisaburi. (t.th). *Al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Norain Mat Lazim & Nooriah Yusof. (2012). Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Number 2, 308-327.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
- Saharia Hj. Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8 No. 2 July – December.
- Siti Norlina Muhammad, Mohd Nasir Ripin, & Mohd Dani Muhamad. (2004). Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh. *Centre for Islamic Thought And Understanding*, 1 –11.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2020). *Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2020*. Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.
- Zamri Sarji. (2020). Mahasiswa Nadi Penggerak Masyarakat Bertamadun. *Berita Harian*. 6 Februari
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekutaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* 155-172.